

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 24 MAC 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 38

### Shell, PETRONAS kongsi penerokaan

## Shell, PETRONAS kongsi penerokaan

Sabah Shell Petroleum Company Limited (SSPC), Shell Sabah Selatan Sdn Bhd (SSB) dan Sarawak Shell Bhd (SSB) memeterai tiga kontrak perkongsian pengeluaran (PSC) dengan PETRONAS, untuk meneroka minyak dan gas di luar pesisir Sabah dan Sarawak.

Ketiga-tiga PSC itu akan terdiri daripada penerokaan blok SK439/SK440 di perairan ceteck luar pantai Sarawak dan penerokaan blok SB-2W dan SB-X di perairan dalam di luar pantai Sabah.


Pengerusi Shell Malaysia dan Naib Presiden Kanan Huluan Malaysia, Ivan Tan menandatangani perjanjian bagi pihak Shell, dengan kehadiran Naib Presiden Eksekutif Shell untuk Huluan Minyak & Gas Konvensional, Peter Costello, sementara bagi pihak PETRONAS, PSC ditandatangani oleh Naib Presiden Kanan

Pengurusan Petroleum Malaysia, Mohamed Firouz Asnan.

"Pemeterai PSC ini menandakan satu lagi kejayaan pertumbuhan bagi Shell di Malaysia. Perkongsian kami yang panjang dan berjaya dengan PETRONAS di Malaysia berterusan dengan secara bersama kami berusaha untuk menyediakan tenaga hari ini sambil membina tenaga hari esok."

"Saya mengharapkan kerjasama yang lebih berjaya dalam mengembangkan industri tenaga mampan di Malaysia," kata Costello dalam satu kenyataan.

Pada majlis yang sama, Shell turut menandatangani Perjanjian Operasi Bersama (JOA) dengan kehadiran Naib Presiden Eksekutif Shell untuk Huluan Minyak & Gas Konvensional, Peter Costello, sementara bagi pihak PETRONAS, PSC ditandatangani oleh Naib Presiden Kanan



Mohamed Firouz (empat dari kiri) bersama Ivan Tan (enam dari kiri) pada majlis menandatangani perjanjian kontrak perkongsian pengeluaran (PSC).

(Foto ihsan Shell Malaysia)

(PSEP) untuk blok SK439/SK440.

Selain memperoleh PSC penerokaan baru, Shell terus melabur dalam bidang sedia ada di Malaysia, yang mana SSPC, pengendali sistem pengeluaran terapung separa tenggelam Gumasut-Kakap (GK-Semi FPS) yang terletak di luar pesisir Sabah, telah memulakan kerja Fasa 3 pembangunan Gumasut-Kakap.

Ia berkata, keputusan pelaburan akhir (FID) dibuat pada Ogos 2020.

Fasa 3 itu membabitkan penggerudian empat telaga, iaitu penggerudian dua telaga pengeluar dan dua telaga suntikan air itu, yang dijangka mencapai minggu pertama tahun ini.

"Pemeterai PSC ini, bersama-sama dengan permulaan Fasa 3 pembangunan Gumasut-Kakap, menunjukkan komitmen berterusan Shell kepada negara ini dan kami akan berusaha untuk menyampaikan projek ini dengan cara yang selamat dan bertanggungjawab.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada PETRONAS dan semua rakan kongsi kami atas keyakinan dan sokongan mereka dan mengharapkan kerjasama yang lebih berjaya di Malaysia," kata Tan.

Sementara itu, dalam satu kenyataan berasingan, PETRONAS berkata, ia memeterai PSC untuk lima blok penerokaan luar pesisir, iaitu SB412, 2W dan X yang terletak di luar pantai Sabah, dan SK439/SK440 yang terletak di luar pantai Sarawak.